



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
PERSIDANGAN INOVASI MALAYSIA 2022**

**2 OGOS 2022**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Selamat pagi dan Salam Keluarga Malaysia.

**1. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob**

Perdana Menteri;

2. Yang Berhormat Ahli Jemaah Menteri;

**3. Puan Kanni Wignaraja**

Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN)  
dan Pengarah bagi Biro Asia Pasifik;

4. Yang Berbahagia Ketua-Ketua Perkhidmatan;

5. Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri;

**6. Yang Berbahagia Datuk Seri Saiful Anuar bin Lebai Hussen**

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi;

**7. Encik Niloy Banerjee**

Wakil Residen UNDP di Malaysia, Singapura dan Brunei;

8. Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

9. Rakan-Rakan Strategik;

10. Rakan-rakan media serta;

11. Tuan-tuan dan Puan-puan, Keluarga Malaysia yang saya kasihi sekalian.

Para hadirin yang dihormati sekalian

1. Pertama kali, saya ingin ucapkan selamat datang ke Persidangan Inovasi Malaysia 2022 yang julung kali dianjurkan. Persidangan ini merupakan hasil usaha sama oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) dan *United Nations Development Programme (UNDP)*. *Welcome to the first ever Malaysia Innovates Summit 2022, organised by Economic Planning Unit, the Prime Minister's Department and UNDP.*
2. Terima kasih diucapkan kepada sahabat-sahabat saya daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Belia dan Sukan yang sama-sama membantu menganjurkan persidangan ini.
3. Penglibatan UNDP dalam persidangan ini adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
  - i. UNDP salah satu agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai peneraju Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).;
  - ii. UNDP memberi fokus kepada inovasi selaras dengan matlamat SDG 9: "*industry, innovation and infrastructure*";

- iii. UNDP memberikan khidmat nasihat teknikal berhubung penerbitan Laporan Inovasi Malaysia yang diinspirasikan daripada Laporan *Africa Innovates* (2019); dan
  - iv. EPU bekerjasama dengan UNDP di bawah kerjasama teknikal *Country Programme Action Plan (CPAP)* bagi melaksanakan beberapa projek seperti *SDG Roadmap Phase II*, *Improving National Multidimensional Poverty Index* dan *Blue Economy Blueprint*.
4. Sehingga tahun 2019, terdapat pelbagai agensi di bawah 10 Kementerian yang melaksanakan inisiatif berkaitan R&D&C&I. Walaubagaimanapun, pelaksanaan inisiatif tersebut adalah berdasarkan mandat dan keutamaan masing-masing yang mengakibatkan ketidakselarasan dan pertindihan aktiviti R&D&C&I serta pembaziran sumber.
5. Kesannya, institusi penyelidikan awam tidak dapat membangun dan mengekalkan teras keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang berkepentingan strategik. Selain itu, terdapat jurang dalam kerjasama antara industri, institut penyelidikan awam dan institusi pendidikan tinggi, terutamanya aktiviti R&D. Dalam hubungan ini, Kerajaan menerusi keputusan kabinet pada 21 Ogos 2019 telah meluluskan penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan yang ditempatkan di bawah EPU, JPM.
6. RMU berperanan merancang, menyelaras dan mengharmoni aktiviti R&D&C&I agar sejajar dengan agenda nasional. Sejak penubuhannya pada 1 Oktober 2021, RMU telah mengadakan 26 sesi libat urus bersama pemegang taruh yang terdiri daripada

pengurusan atasan, penyelidik dan mereka yang terlibat secara langsung dalam aktiviti R&D&C&I. Sesi libat urus ini melibatkan kementerian dan agensi, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), institut penyelidikan kerajaan (GRI), dewan perniagaan tempatan dan antarabangsa serta wakil industri dengan jumlah penyertaan lebih daripada 700 orang.

7. Salah satu cabaran utama yang dibangkitkan dalam semua sesi libat urus yang telah dilaksanakan adalah ketiadaan platform bagi menghimpun pemegang taruh berkaitan dalam satu ruang yang memberi peluang interaksi secara terbuka dan produktif.
8. Selain itu, isu berkaitan pengkomersialan hasil R&D penyelidik tempatan juga menjadi salah satu cabaran yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak Kerajaan. Ini bagi memastikan setiap pelaburan terutamanya oleh pihak Kerajaan dalam R&D memberikan pulang nilai yang setimpal dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.
9. Oleh itu, bagi mewujudkan sinergi yang besar bagi semua pihak, Persidangan Inovasi Malaysia 2022 telah dianjurkan pada hari ini dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP).
10. Sesi pada hari ini telah dirangka secara holistik dan inklusif melalui **tiga sesi plenari, 11 sesi perbincangan berfokus dan empat sesi bicara kompak**. Para hadirin dialu-alukan untuk menyertai setiap sesi yang telah diaturkan ini agar penganjuran persidangan dapat memenuhi matlamat yang dihasratkan.

11. Saya berharap Persidangan Inovasi Malaysia 2022 ini akan menjadi titik permulaan ataupun *turning point* dalam usaha untuk memacu inovasi sebagai pemangkin asas bagi pertumbuhan dalam semua sektor. Perahu sudah di air, pendayung juga telah di tangan. Marilah kita berganding bahu mewujudkan satu kerjasama yang mantap dalam melonjakkan Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan dan berteknologi tinggi.
12. Bagi pihak EPU, JPM, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Persidangan Inovasi Malaysia 2022.
13. *I would like to extend our appreciation to UNDP for co-organising this momentous event. We appreciate the presence of our respected international speakers to share their experiences on R&D&C&I best practices. Not only that, UNDP plays a major role on the production of Malaysia Innovates report, which inspired by the Africa Innovates report produced in September 2021.*
14. Sekali lagi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas komitmen yang tidak berbelah bagi dalam menyokong agenda inovasi negara serta sudi melancarkan persidangan pada hari ini.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh